

Tidak wajar jika hanya hendak menan

Pilihanraya

BM 25 FEB 1990

bukan mainan

(P)

Oleh NORAINI ISMAIL

SEREMBAN: Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, pilihanraya tidak boleh diadakan awal hanya disebabkan Umno dan Barisan Nasional (BN) begitu yakin akan menang.

"Kita bukan gunakan pilihanraya ini untuk main-main. Sesuatu pilihanraya diadakan lima tahun sekali. Jika kita hendak adakan pilihanraya awal semata-mata kita hendak menang, tidak bagus juga," katanya.

Beliau yang juga Presiden Umno berkata, tidak dinafikan Umno dan BN mahukan kemenangan dalam pilihanraya, "tetapi kita hendaklah memberi jangkamasa yang cukup kepada kerajaan."

Bercakap kepada pemberita dalam sidang akhbar sempena lawatannya ke Negeri Sembilan di sini semalam, Datuk Seri Dr Mahathir berkata berdasarkan perkembangan politik, ekonomi dan keadaan negara yang aman, memang ada pihak yang mengatakan pilihanraya patut diadakan sekarang.

Menurutnya, memang menjadi tumpuan Umno dan BN menghadapi pilihanraya dan kerana itu lawatannya ke negeri-negeri adalah untuk menjelaskan masalah yang dihadapi dan apa yang patut dilakukan oleh ahli parti.

"Dalam lawatan ini saya akan menasihatkan ahli Umno dan BN tidak menumpukan perhatian kepada perkara yang tidak membina, sebaliknya cuba membawa perkara yang boleh menentukan kemenangan BN," katanya.

Perdana Menteri berkata hasil lawatan ke beberapa negeri setakat ini mendapati masalah parti tidak banyak.

"Kalau ada pun masalah bukan kerana persaingan dengan parti lawan, cuma kadangkadang dalam parti sendiri ada sedikit sebanyak perbalahan... masalah biasa...soal calon," katanya.

Menurutnya, belum tiba masanya bagi BN untuk menetapkan calon pilihanraya.

"Kita belum capai tahap itu, kita masih ada banyak masa lagi," tambahnya.

Beliau yang juga Pengerusi BN berkata, pergolakan dalam mana-mana parti politik adalah suatu perkara biasa. Pergolakan dalam MIC sekarang bukan sebab kerajaan lewat-lewatkan pilihanraya.

Ketika ditanya mengenai hubungan kerajaan pusat dengan Ketua Menteri Sabah, Datuk Joseph Pairin Kitingan, Datuk Seri Dr Mahathir berkata hubungan itu adalah baik.

"Pairin baru dua hari jumpa saya," katanya.

Menurutnya, tindakan undang-undang ke atas adik Datuk Pairin, Datuk Dr Jeffry Kitingan, tidak menjejaskan hubungan baik kerajaan Sabah dengan kerajaan Pusat.